

NO. SOALAN: 277

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

RUJUKAN : 7288

SOALAN:

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan pihak polis untuk menangani masalah jenayah khususnya di Bandar Bukit Tinggi dan Bandar Botani di kawasan Parlimen Klang.

JAWAPAN:

Masalah jenayah boleh mengancam keselamatan dan keharmonian negara dan menimbulkan perasaan "*fear of crime*" kepada masyarakat. Sehubungan itu pihak PDRM telah menjalankan penguatkuasaan yang berterusan dan terancang untuk membanteras dan mengekang jenayah dari terus berleluasa dengan pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh Kerajaan di bawah *National Key Result Area* (NKRA) di bawah inisiatif mengurangkan kadar jenayah.

Daripada statistik jenayah di kawasan Balai Polis Bukit Tinggi telah menunjukkan penurunan iaitu pada tahun 2013 sebanyak 516 kes jenayah indeks manakala tahun 2014 hanya sebanyak 379 kes sahaja turun 137 kes atau -26.55% (Januari – Ogos). Manakala Balai Polis Sentosa pula menunjukkan peningkatan iaitu pada tahun 2013 berjumlah 358 kes manakala tahun 2014 sebanyak 380 kes naik 22 kes atau + 6.14%.

Bagi mengurangkan jenayah khususnya di kawasan berkenaan, pihak Polis daerah telah mengambil pendekatan dan langkah-langkah berikut:-

1. Membuat pemeriksaan di bengkel-bengkel kenderaan dan tempat pengumpulan barang-barang lusuh untuk mengesan barangan dan kereta curi.

2. **Membuat pemeriksaan terhadap bekas-bekas banduan yang mungkin melakukan semula jenayah (*recidivist*) yang berada dalam daerah.**
3. **Rondaan oleh Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dan MPV ditingkatkan terutama di kawasan perumahan dan perindustrian dan tempat yang menjadi tumpuan ramai untuk mencegah kes pecah rumah, pecah gudang dan jenayah jalanan.**
4. **Menggalakkan pemilik premis persendirian untuk memasang CCTV di rumah kediaman kerana ianya memudahkan pihak polis mengenali suspek yang melakukan jenayah.**
5. **Meningkatkan program “*Community Policing*” untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dan menyampaikan maklumat berkaitan jenayah yang berlaku di tempat berkenaan serta menggalakkan orang ramai menyalurkan maklumat tentang aktiviti jenayah di kawasan kediaman mereka.**
6. **Menubuhkan Aman Wanita (AMANITA), bertujuan mengurangkan kes golongan wanita menjadi mangsa jenayah di samping memperoleh maklumat jenayah yang tidak dilaporkan di kalangan wanita. Melalui kaedah ini,**

segala maklumat boleh disampaikan kepada pegawai Polis yang akan berjumpa dengan suri rumah di daerah sebulan sekali.

Pihak Polis berkeyakinan dengan keupayaan yang dimiliki oleh anggota Polis untuk mengesan jenayah dan juga kerjasama yang berterusan daripada masyarakat untuk menyalurkan maklumat, matlamat untuk mengurangkan jenayah dalam negara akan tercapai di kawasan berkenaan khasnya dan di seluruh negara khususnya.

NO. SOALAN: 278

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

RUJUKAN : 7289

SOALAN:

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berikan maklumat mengenai kejadian pemerdagangan manusia:-

- (a) berapakah bilangan kes yang telah dilaporkan dan didakwa di Malaysia dari tahun 2010 ke 2014; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil ke atas mereka yang didakwa.

JAWAPAN:

Akta Antipemerdagangan Orang 2007 telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada 28 Februari 2008. Sejak dikuatkuasakan sehingga 30 September 2014, sebanyak 1181 tangkapan melibatkan 847 kes pemerdagangan orang telah berjaya dibuat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 593 kes pemerdagangan orang yang telah dituduh di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran.

Daripada jumlah 593 kes tersebut, 128 kes telah disabitkan oleh mahkamah. Hukuman yang telah dikenakan terhadap tertuduh adalah hukuman penjara di antara 3 hingga 10 tahun. 133 kes pula telah dilepaskan dan dibebaskan, 48 kes dilepaskan tanpa dibebaskan (DNA) dan 285 kes masih dalam perbicaraan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan murid dan pelajar di negara kita, bilangan minimum setiap kelas untuk sekolah rendah dan menengah. Adakah sekolah diarahkan untuk menambahkan murid atau pelajar setiap kelas dan mengapa.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Secara keseluruhannya enrolmen murid ialah seramai **5,126,671**. Daripada jumlah tersebut seramai **196,207** adalah murid prasekolah, **2,706,901** murid peringkat rendah dan **2,223,563** murid peringkat menengah.

Pertambahan bilangan murid adalah berdasarkan kepada permintaan tinggi daripada ibu bapa berhampiran dengan persetujuan daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah. Walau bagaimanapun keadaan ini hanya berlaku di beberapa tempat seperti kawasan bandar yang berkepadatan tinggi.